

12/07/2003

Penerbitan buku rundingan air strategi permulaan Singapura

Prof Madya Dr Azmi Hassan

SIKAP memilih dan mencetak bahan berita, maklumat dan bahan yang menguntungkan Singapura saja dan memburukkan pihak lain - itulah gambaran dan anggapan pertama sesiapa yang membaca mukadimah buku kecil Rundingan Air: Hakikat Yang Sebenar diterbitkan Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian Singapura.

Di ruang atas muka surat mukadimah itu disiarkan gambar dan kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, yang antara lain membawa maksud bahawa pelanggaran Perjanjian Air akan turut membabitkan Perjanjian Pemisahan di antara Malaysia dan Singapura dan seterusnya menggugat kedaulatan republik itu.

Kenyataan itu dikeluarkan Chok Tong sewaktu sidang Parlimen Singapura pada 5 April 2002.

Seolah-olah ingin menggambarkan jawapan kepada kenyataan di atas, di sebelah ruang bawah pula disiarkan gambar dan kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 2 November 2002.

Antara lain Dr Mahathir dipetik sebagai berkata: "Perjanjian antarabangsa pernah dicabuli sebelum ini. Seseengah negara sanggup berperang walaupun ia bukan dalam perjanjian".

Media Malaysia juga tidak terlepas daripada dikecam dan dicela oleh Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, ketika beliau menyampaikan ucapan dalam sidang Parlimen pada 25 Januari 2003 yang turut dimuatkan dalam buku kecil itu.

Jayakumar melemparkan tuduhan bahawa media Malaysia, terutama Berita Harian, sengaja mengapiakan-apikan perasaan rakyat Melayu Malaysia supaya membenci Singapura.

Ruangan ini turut mendapat kecaman dengan dakwaan penulis membuat tuduhan melulu bahawa Singapura sedang membangunkan senjata biologi.

Semua kenyataan itu dengan jelas ingin mengaburi dan mempengaruhi pembaca buku kecil berkenaan bahawa pemimpin Malaysia tidak boleh dipercayai dan dengan sewenang-wenangnya sanggup membatalkan perjanjian.

Buku kecil itu juga sarat dengan tuduhan pemimpin dan media Malaysia begitu celupar dan suka lepas cakap mengenai perang.

Sebenarnya tidak ada sesuatu yang baru dimuatkan dalam buku kecil itu kerana kebanyakan kandungannya telah pun dimuatkan dalam laman web Kementerian Luar dan Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian Singapura sejak Januari lalu.

Timbul kemusykilan mengapakah Kerajaan Singapura bersusah-payah membelanjakan wang dan tenaga bagi menerbitkan kandungan laman web dalam bentuk buku sedangkan kebanyakan rakyat mereka telah pun membaca kandungan dan hujah itu.

Timbul juga pertanyaan kerana `perbalahan' di antara Malaysia dan Singapura mengenai pelbagai isu tertanggung didapati sedikit reda dan nampak seolah-olah Singapura ingin memansakan kembali isu ini.

Andaian yang mempunyai hujah terkuat mengenai niat sebenar Singapura adalah berkaitan persaraan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri pada Oktober ini.

Kemungkinan besar pemimpin republik itu mempunyai persepsi bahawa pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, lebih mudah untuk dibawa berbicara dan seterusnya memperoleh keputusan yang menyebelahi mereka.

Bagi republik itu, bukanlah isu kedaulatan Singapura yang dicabul tetapi

memaksimumkan keuntungan yang boleh dicapai.

Isu kedaulatan hanya dimainkan untuk membakar perasaan rakyat mereka. Isu lepas cakap mengenai perang tidak dapat dinafikan banyak ditimbulkan oleh media Malaysia tetapi jika diteliti, isu perang ini lebih dahsyat dan panas dibicarakan oleh rakyat Singapura sendiri.

Inilah yang sebenarnya dikehendaki oleh pemimpin Singapura. Pemimpin republik itu sanggup membiarkan rakyat mereka berada dalam kebimbangan dan menggambarkan Malaysia sebagai negara yang tidak mengikut lunas undang-undang antarabangsa.

Sebagai sebuah negara kecil dari segi keluasan dan jumlah penduduk dibandingkan dengan Malaysia, adalah amat mudah untuk mendalami mengapa rakyat Singapura berasa tertekan. Tidak dapat dinafikan bahawa pemimpin Singapura telah berjaya mengawal bentuk sentimen rakyat mereka terhadap Malaysia.

Sebab itulah buku kecil ini diterbitkan kerana strategi seterusnya untuk mengawal dan membentuk perasaan rakyat Malaysia dan selanjutnya berharap dengan mudah dapat memulas dan memaksa Abdullah supaya membuat keputusan memihak kepada Singapura.

Pemimpin Singapura berasakan dengan cara kepemimpinan Abdullah selama ini, kaedah terbaik untuk mempengaruhi bakal Perdana Menteri Malaysia itu ialah melalui suara umum, iaitu pemikiran rakyat Malaysia.

Republik itu sudah tentu mengatur strategi sedemikian rupa kerana mereka mempercayai Abdullah akan menuruti apa yang disuarakan oleh majoriti rakyat.

Penerbitan buku kecil itu adalah strategi permulaan mereka. Pemimpin republik itu akur bahawa penerbitan dalam laman web tidak banyak memberi kesan kepada rakyat Malaysia kerana kadar celik internet adalah rendah berbanding Singapura.

Statistik di kalangan rakyat Singapura menunjukkan hampir 50 peratus rakyat mereka mempunyai kemudahan pencapaian internet. Ini menunjukkan maklumat yang ingin disampaikan melalui internet boleh menjangkau rakyat mereka dengan mudah dan efektif.

Berbanding Malaysia, data terbaru hanya menunjukkan antara 20 hingga 25 peratus yang mempunyai kemudahan internet. Sebahagian besar golongan ini pula adalah yang tinggal di bandar yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik.

Dengan demikian, tiada cara lebih baik selain menerbitkan buku kecil kerana ini adalah cara paling efektif untuk mempengaruhi rakyat Malaysia. Kandungan buku ini disusun dan dipilih-pilih untuk menggambarkan bahawa Singapura sanggup membayar apa saja kadar air yang ditetapkan asalkan mendapat persetujuan kedua-dua negara.

Dengan kata lain apa saja kadar yang ditetapkan oleh Malaysia perlu mendapat persetujuan Singapura. Setakat hari ini tiada kata sepakat dapat dicapai mengenai kadar harga air kerana Singapura gemar mengaitkan harga air dengan pembekalan akan datang, iaitu selepas lupus perjanjian air 1962 pada 2061.

Singapura menuduh Malaysia kononnya suka menukar kedudukan dan matlamat dalam menetapkan kadar air. Singapura tidak bersikap jujur di sini kerana matlamat dan sasaran terpaksa diubah apabila mereka sentiasa menokok-tambah syarat penetapan kadar harga air yang jika diterima oleh Malaysia sudah tentu akan merugikan negara.

Hingga kini, Singapura masih lagi membayar kadar 3 sen bagi setiap 1,000 gelen, iaitu mengikut kadar perjanjian yang ditandatangani pada 1961 dan 1962. Kedua-dua perjanjian itu membenarkan semakan semula kadar harga air dengan persetujuan bersama.

Singapura sepatutnya mengambil pengajaran dan iktibar dengan kaedah yang digunakan oleh Malaysia dan Brunei dalam menyelesaikan masalah Limbang.

Isu ini kelihatan lebih kritikal dan payah untuk diselesaikan jika dibandingkan dengan isu air.

Tetapi sikap yang diambil oleh kedua-dua pemimpin Malaysia dan Brunei yang secara jujur dan berhemah ingin menyelesaikan masalah ini membuatkan tidak timbul kemelut.

Alangkah baiknya jika pemimpin Singapura juga mengambil sikap yang sama kerana Malaysia dan Singapura akan terus berjiran dan sikap berbalah ini tidak akan menguntungkan sesiapa.